

# **Basic Fundamental Forex**

## **(Strategy Entry Melalui News)**

BroPip  
Sep-10  
[www.Bropipforex.blogspot.com](http://www.Bropipforex.blogspot.com)

## **ANALISIS FOREX MELALUI NEWS (ANALISIS ASAS)**

### **Pengenalan : Analisis Forex**

Sebelum memulakan sebarang trade, anda perlu mengenali dan memahami dua jenis analisis iaitu ‘Fundamental Analysis’ dan ‘Technical Analysis’ iaitu Analisis secara asas dan secara teknikal.

Analisis Fundamental (Asas) - adalah cara anda menganalisis sesuatu mata wang dari sudut ekonomi, politik, penjualan (import/export), kadar faedah (interest rate) serta bencana alam dan sebagainya yang boleh mempengaruhi kenaikan dan penurunan sesuatu mata wang. Salah satu contoh mudah adalah seperti *Defisit Dagangan* dan *Lebihan Dagangan*. Defisit dagangan ini berlaku apabila sesebuah negara mengimport lebih dari mengeksport. Negara-negara akan mengalami defisit apabila membeli/mengimport produk-produk dari luar dan menjual mata wang mereka secara berlebihan. Ini akan melemahkan ekonomi negara itu sendiri. Oleh itu tindakan perlu diambil untuk menguatkan semula mata wang tersebut. Salah satu caranya adalah dengan menaikkan kadar interest. Apabila data ekonomi yang melibatkan Kadar Interest diumumkan, akan berlaku pergerakan mata wang yang aktif dan mengubah trend mata wang tersebut secara drastik.

*Lebihan Dagangan* pula berlaku apabila Export Dagangan Negara melebihi Import. Dagangan ini menyebabkan negara menjual/mengeksport produk-produk ke luar negara dengan membeli mata wang asing yang secara tidak langsung akan menguatkan ekonomi negara tersebut. Oleh itu, untuk mengimbangkan ekonomi, kadar faedah perlu diturunkan dan menjadikan mata wang tersebut lebih stabil.

Untuk menganalisis data-data ekonomi global, kita boleh memperolehnya di laman web yang popular dikalangan trader iaitu di <http://www.forexfactory.com> . Kebanyakan trader forex akan mengikuti perkembangan data ekonomi ini untuk menentukan sama ada pergerakan mata wang akan berbentuk Bullish (Naik=Buy) atau Bearish (Turun=Sell). Kebiasaannya, sebelum data dikeluarkan / diumumkan, pasaran akan tenang sedikit sementara menunggu arah trend seterusnya. Hal ini akan cuba diuraikan nanti secara terperinci untuk lebih difahami.

**Langkah Pertama: Pergi ke <http://www.forexfactory.com>**

Setkan masa di forexfactory adalah mengikut waktu Malaysia (GMT+8)

The screenshot shows the forexfactory.com website with a red box highlighting the time display '9:40pm'. A red arrow points from the text '1. Double klik kat time ni' to this box.

The page title is 'Time & Date Options'. It contains several settings:



- Synchronized Time:** Shows '9:40pm (match this time with your computer clock)'. A red box highlights this field, and a red arrow points from the text '2. Tukar semua setting seperti di bawah' to it.
- DST:** A dropdown menu set to 'DST Off'. A red box highlights this field, and a red arrow points from the text 'Perhatian: DST OFF' to it.
- Time Zone:** A dropdown menu set to '(GMT +8:00) Beijing, Perth, Singapore, Hong Kong'. A red box highlights this field.
- Time Format:** A dropdown menu set to 'am / pm'. A red box highlights this field.
- Start of the Week:** A dropdown menu set to 'Sunday'. A red box highlights this field.

A large red box at the bottom right contains the text '3. Kemudian tekan save changes'.

At the bottom of the page are 'Save Changes' and 'Reset Fields' buttons.

## Langkah Kedua: Pergi ke Calendar (<http://www.forexfactory.com/calendar.php>)

### Cara membaca calender ekonomi



## **Analisa Impact kepada pasaran selepas news keluar:**

Contoh news yang akan keluar memberi impact kepada matawang USD

1. Jika Positif impact, iaitu actual data menunjukkan peningkatan berbanding forecast atau data bertukar kepada warna hijau akan berlaku pengukuhan kepada matawang USD.

Tindakan kita:

- i) untuk pair EURUSD, GBPUSD akan berlaku sell trend. Kita boleh entry sell. Tetapi confirm dulu dengan indicator.
    - ii) Untuk pair seperti USDCAD, USDCHF, akan berlaku buy trend. Kita boleh entry buy. Tetapi confirm dulu dengan indicator
  2. Jika Negative impact, iaitu actual data menunjukkan penurunan berbanding forecast atau data bertukar kepada warna merah, akan berlaku kelemahan kepada matawang USD.
- Tindakan kita:
- i) Untuk pair EURUSD, GBPUSD akan berlaku buy trend. Kita boleh entry buy. Tetapi confirm dulu dengan indicator
  - ii) Untuk pair USDCAD, USDCHF akan berlaku sell trend. Kita boleh sell entry. Tetapi confirm dulu dengan indicator

Begitu la juga jika impact dan tindakan kita kepada matawang utama lain, kita mengambil peluang seperti di atas.

Teknik yang akan kita guna nanti sebelum news ini keluar menggunakan **Teknik Pending Order** yang akan saya huraikan seperti di bawah.

Untuk teknik ini kita akan fokus kepada Impact yang high & medium sahaja iaitu warna merah dan oren dan juga currency tertentu sahaja. Untuk set-up filternya, sila rujuk cara di bawah;

## Cara set up currency tertentu, high & medium impact



Di forex factory nanti akan keluar apa yang telah kita setkan tadi.  
Jika ingin menambah currency, boleh update semula

## **Strategi Entry Melalui News**

Turun naik pasaran Forex bergantung kepada banyak faktor. Di antara faktor terbesar adalah bergantung kepada ekonomi, sosial & keadaan politik sesebuah negara matawang yang diperdagangkan. Pasaran Forex akan meningkat dan menurun dengan mendadak sekali jika ada sesuatu pengumuman yang dilakukan oleh pihak kerajaan sesebuah negara matawang yang diperdagangkan.

Pengumuman yang diumumkan sesebuah negara adalah berkaitan dengan keadaan ekonomi dan sosial negara tersebut ketika itu.

Di antara tajuk-tajuk pengumuman penting yang akan menyebabkan pasaran forex meningkat atau menurun dengan mendadak sekali ialah:

1. Unemployment Report
2. Interest Rate
3. Consumer Price Index (CPI)
4. Inflation
5. Gross Domestic Product (GDP)

**HIGH Impact**

Manakala tajuk-tajuk pengumuman yang kurang penting tetapi perlu diperhatikan kerana peningkatan dan penurunan nilai matawang akan berlaku tetapi perubahan PIP berlaku adalah kurang sedikit adalah;

1. Money supply (M2)
2. Treasury Budget
3. Product Price Index (PPI)
4. Retail Sales
5. International Trade

**Medium Impact**

Oleh kerana sesuatu pengumuman yang diumumkan oleh sesebuah negara menyebabkan pasaran forex akan meningkat dan menurun dengan mendadak, maka kita boleh memperolehi keuntungan dengan banyak melalui pengumuman yang akan diumumkan.

Melalui pengumuman news ini, kita akan menggunakan strategi Teknik Pending Order yang akan di terangkan berikutnya

## Contoh Set Up:


1. Sebagai contoh katakan kita membuka forexfactory pada 15/Sep/2010 . Pada pukul 12.30pm akan ada berita ekonomi untuk GBP iaitu “**Consumer Price Index**” -> **Strong News**
  2. Oleh kerana berita tersebut berkaitan GBP, maka kita boleh bersedia dengan pair GBP/USD
  3. Lima minit sebelum berita diumumkan iaitu 12.25pm, buka carta pair contoh GBP/USD. Catitkan harga pada jam 12.25pm iaitu 1.5480
  4. Buat “Buy Pending Order” pada harga 1.5495 (15pip di atas harga semasa iaitu 1.5480). Setkan TP 20PIP ke atas harga 1.5495 iaitu 1.5515. Tidak perlu letakkan “Stop Loss”
  5. Kemudian buat “Sell Pending Order” pada harga 1.5465 (15pip di bawah harga semasa iaitu 1.5480). Buat target TP20PIP di bawah harga 1.5465 iaitu 1.5445. Tidak perlu melakukan “Stop Loss”. Lihat contoh gambarajah di bawah
  6. Anda boleh set beberapa post bergantung kepada modal anda
  7. Gabungkan juga analisis dari Indicator BroPip. Pada M5 ini juga telah menunjukkan trend akan membuat buy trend. Kepada sesiapa yang lambat atau susah untuk setkan pending order ini, ketika ini mulakan dulu dengan Buy Stop dulu . Sebab trend dah menunjukkan trend buy...




8. Tepat pada jam 12.30pm, harga pasaran mula bergerak ke atas sehingga mencecah TP. Selepas kita memperolehi keuntungan pada bahagian "BUY", padamkan (delete) 'Sell Stop'. Begitu juga sebaliknya.

## Cara set up pending order (Cth Set Up harga semasa 1.5480)

1. Pergi ke New Order
2. Pilih pending order -> Buy Stop



## Ulangi kepada Sell Stop



Jika ada modal lebih, buka beberapa post untuk Buy Stop & Sell Stop. Apabila salah satu daripada di atas telah di aktifkan, sila **DELETE** post yang berlawan arah.

## **Bagaimana Memaksimumkan Hasil Trading?**

Setelah News keluar, kita tunggu pergerakan arah trend. Jika high impact, tunggu salah satu daripada setting kita mengena. Setelah TP, kita boleh membuat Teknikal Analisis dengan indicator kita untuk membuat entry menggunakan script untuk mencari keuntungan seterusnya...

Dengan hasil gabungan Fundamental Analisis dan Teknikal Analisis ini, insyaallah akan memaksimumkan lagi hasil trading kita...

### **Senario yang biasa berlaku...**


Kerap kali berlaku '*spring*' di mana harga memecut turun (*mungkin sekali gus* Hampir 80 pip), dan kemudian menaik dengan banyak juga. Ini berlaku disebabkan ramai trader akan menjual/membeli pada masa yang sama apabila mendapat tahu data ekonomi yang diumumkan tidak menyebelahi trade mereka. Cuba perhatikan tempoh sebelum data diumumkan, pergerakan GBPUSD adalah mendatar ('sideway'). Kemudiannya pada pukul 10:30 am, setelah data RS dan CIE diumumkan, carta menunjukkan penurunan secara mendadak sebanyak 85 pip , dan kemudiannya menaik sebanyak 70 pip.

10:30am	GBP		Retail Sales m/m		-0.5%	0.3%	0.8% 
10:30am	GBP		Consumer Inflation Expectations		3.4%	3.3%	

Contoh yang terbaik, adalah seperti RS & CIE yang berlaku 16hb Sep, 2010. Data ekonomi yang diumumkan pada pukul 10.30 am, menunjukkan kekuatan ekonomi untuk mata wang GBP. Data yang dijangka ialah 0.3%, tetapi data sebenar yang diumumkan adalah lebih lemah iaitu -0.5%. Penurunan itu memberi tekanan yang kuat kepada para trader yang sudah membeli mata wang GBP ketika itu, oleh itu mereka harus menjualnya semula. Jadi, akibatnya ialah penurunan yang mendadak berlaku kepada pair GBP/USD. Tetapi pada ketika yang sama, CIE diumumkan menunjukkan pengukuhan peningkatan data ekonomi daripada 3.3% kepada 3.4% kepada matawang GBP. Akibat pertembungan news ini menyebabkan trader kembali membeli GBP yang mengakibatkan peningkatan kembali pair GBP/USD.

Melalui data ekonomi inilah ianya digunakan sebagai salah satu cara untuk menganalisis pasaran dan panduan kita untuk entry melalui news dan juga teknikal analisis melalui indicator.

Contoh Trend spike dengan mendadak....



Di harap dengan panduan di atas, kita dapat mengambil peluang ketika market tengah aktif dengan gabungan teknik membaca news dan indicator BroPip apabila market kembali stabil.

Di bawah adalah pengalaman kisah saya yang di kongsi di blog [www.bropipforex.blogspot.com](http://www.bropipforex.blogspot.com) berkenaan teknik entry melalui news.

## New akan keluar

24 Sep, Jam 4.00pm (M'sia)


Positif impact  
kepada currency EUR

Date	Currency	Impact	Detail	Actual	Forecast	Previous	Chart
Sep 24 Fri	4:00pm	EUR	German Ifo Business Climate	106.9	106.3	106.7	Up
	8:30pm	USD	Core Durable Goods Orders m/m	2.0%	0.9%	-2.8%	Up
	8:30pm	USD	Durable Goods Orders m/m	-1.3%	-0.9%	0.7%	Up
	10:00pm	USD	New Home Sales	268K	292K	288K	Up

### Apakah tindakan kita?

1. Bersedia membuka PC/Notebook 20 minit sebelum news keluar
2. Cari pair yang berkaitan dengan Currency Euro; Cthnya EU, EJ
3. Tengok arah trend untuk 5 minit terakhir sebelum news keluar
4. Dapatkan bacaan semasa
5. Setupkan Teknik Entry Before News (Boleh didapati di Ebook)
6. Tunggu sehingga TP kena
7. Kemudian entry pula dengan script.
8. Dan hasilnya.... Fuh....

## Teknik Entry Before News untuk pair EU




**Hasilnya, profit 28usd dalam beberapa saat!!!**

	2010.08.24 11:00	buy	1.00	eurod	1.336	0.000	1.336
	2010.09.24 11:00		1.00	eurod	1.326	0.000	1.326

	2010.09.24 11:00	buy	1.00	eurod	1.334	0.000	1.334
	2010.09.24 11:00		1.00	eurod	1.324	0.000	1.324

Note: Ini hasil dari news sahaja... (Belum gabungan dengan indikator BroPip)

Teknik Entry Before News untuk pair EJ




Hasilnya, profit 35usd dalam beberapa saat!!!

Note: Ini hasil daripada news sahaja... (Belum gabungan indicator BroPip)

**Tips:**

1. Teknik pending order ini memerlukan masa set up dan pengiraan yang pantas.
2. Jika kita lemah dalam pengiraan, kita boleh klik pada cursor di bawah dan buat pengiraan berdasarkan bilangan klik



3. Set up dalam masa 5 minit ke bawah. Lagi dekat dengan masa news nak keluar, lagi baik.
4. Letakkan TP diantara 10~30 pip sahaja mengikut citarasa anda. Jika lagi kecil TP anda set, banyakkan post di buka
5. Pastikan modal anda mencukupi semasa set tp
6. Anda juga digalakkan meletakkan SL (cadangan 30 pip). Tapi ianya juga bergantung kepada setiap individu
7. Selepas TP kena, anda fokus pula dengan Analisa melalui indicator & gunakan script.
8. Insyaallah dengan gabungan Fundamental & Teknikal Analisis ini, kita mampu menjana pendapatan yang cukup lumayan.

Semoga Berjaya